

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
SELAKU YANG DIPERTUA BAKTI
DI MAJLIS PENYAMPAIAN BUNGKUSAN HARI RAYA BAKTI
KEPADA ANGKATAN KESELAMATAN NEGARA
DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA SABTU, 9 JANUARI 1999
JAM 9.30 PAGI**

Syukur, syukur, syukur Ya Allah, syukur Alhamdulillah atas limpah kurniaMu kepada hamba-hambaMu sepanjang tahun 1998 lalu. Sungguhpun ekonomi kita masih belum pulih seperti biasa, kita hams juga bersyukur kerana keadaan di dalam negara tidaklah begitu teruk seperti tahun 1997 dan kita masih dalam keadaan aman dan tenteram. Pada tahun 1998, banyak peristiwa berlaku yang menggembirakan rakyat dan juga yang menyedihkan kita. Nama dan imej negara menjadi harum selepas KLIA beroperasi dengan baik dan Sukan Komanwel '98 mencapai kejayaan yang terunggul sekali dalam sejarah sukan-sukan Komanwel. Syukur Alhamdulillah.

2. Negara kita sekali lagi menjadi sebutan merata dunia, khasnya di Barat, manakala peristiwa 2 September dan 28 September berlaku dan bersampingan pula dengan Mesyuarat APEC. Bagi saya peristiwa-peristiwa yang buruk mendatangkan hikmah sesudahnya, sekiranya kita bersyukur, bertenang dan berfikiran waras.

3. Dalam kedua-dua peristiwa suka duka ini, kita perlu merenung semula. Dalam keadaan gembira pun, kita boleh merusuh kerana kegembiraan, dan kejayaan kita. Ini telah terbukti di negara-negara lain selepas menang dalam sesuatu, rakyat berpesta di jalanraya, minum, menari hingga khayal dan keadaan menjadi buruk manakala berlakunya perkelahian. Apatah lagi dalam demonstrasi-demonstrasi yang sengaja diatur hinggakan emosi perusuh tidak dapat dikawal.

4. Saya menyebut perkara-perkara ini kerana dalam peristiwa suka dan duka tahun 1998, Malaysia yang tercinta ini di kawal baik oleh Pasukan-Pasukan Keselamatan Negara - Polis Di Raja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia - masing-masing melakukan tanggungjawab dan tugas masing-masing dengan tegas dan berkesan. Bayangkanlah sekiranya ratusan ribu penonton sukan di Bukit Jalil dan ratusan peserta berbilang bangsa tidak terkawal pada upacara-upacara sukan selama 10 hari itu. Bayangkanlah sekiranya demonstrasi-demonstrasi dan rusuhan pada bulan September itu dibiarkan sahaja tanpa tindakan tegas. Bayangkanlah apa yang terjadi hingga kini di negara jiran.

5. Bagi pihak BAKTI dan lebih-lebih lagi bagi diri saya sendiri, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Ilahi kerana negara kita mempunyai angkatan keselamatan yang profesional dan penuh bertanggungjawab. Tahniah dan syabas kepada semua pihak.

6. Angkatan Tentera tidak lagi bertugas di luar negara sebagai Pasukan Pengaman di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu. Namun, mereka telah meninggalkan nama baik di Bosnia Herzegovina. Sehingga kini rakyat Bosnia sentiasa menyebut-nyebut jasa baik askar kita di sana dan berterima kasih.

7. Pasukan Polis Hutan dan Pasukan Mencegah Rusuhan telah sentiasa bertugas untuk menjaga keselamatan dan keamanan di Bandaraya Kuala Lumpur dengan berkesan. Tugas-tugas ini bukan mudah tetapi mereka berjaya.

8. Pada tahun dahulu dalam ucapan Ketua Polis Negara, dijelaskan peranan dan tanggungjawab Polis dalam keadaan ekonomi yang merosot. Kawalan terhadap pendatang asing yang membanjiri negara kita seringkali mencetus peristiwa-peristiwa yang buruk dan pihak Polis yang menjadi mangsa.

9. Sungguhpun negara kita dalam keadaan aman tenteram sekarang, kita belum lagi boleh yakin bahawa cabaran-cabaran lain tidak mungkin berlaku ke atas kita samada ia datang dari dalam atau luar. Kuasa-kuasa besar telah dengan sewenang-wenangnya menggunakan alat-alat canggih untuk sebab-sebab yang tersendiri. Pada dahulu kala, kita telah baca cerita Al ohnson,

penyanyi hebat, AlCapone gangster yang ditakuti dan yang gagah. Kini didapati pula AlBright dan Al Gore yang menjanjikan "everything" kepada penyokong-penyokong "brave Malaysians" dan ketua-ketua mereka. Bagaimanalah kita hendak lelap tidur memikirkan mungkin ada 'missile' yang ditujukan ke Bukit Aman, MINDEF, Sri Perdana atau Putra Jaya! Mana nak pi tau! Itulah Al-kisah sekarang dan Pasukan Keselamatan kita harus berjaga-jaga siang dan malam menjaga keamanan dan kedaulatan negara kita ini.

10. Tentu sekali pada bulan Ramadan dan Syawal ini mereka tidak dapat bersama keluarga masing-masing. Di mana jua mereka bertugas, BAKTI ingin sekali lagi bersama-sama dengan kumpulan-kumpulan lain menyumbangkan sedikit bungkusan Hari Raya supaya mereka tidak berasa kesepian, terasing dan terbiar. BAKTI juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kami atas jasa-jasa, khidmat dan pengorbanan kepada anggota tentera dan polis, semua bahagian dan cawangan. Sumbangan ini amatlah kecil berbanding dengan pengorbanan, ketabahan hati dan keberanian anda semua.

11. Tahun ini sejumlah 14,270 pakej makanan Hari Raya disediakan. BAKTI berharap ia akan diterima dengan selamat dan sempurna.

12. Kepada para isteri dan anak-anak anggota yang tinggal berhariraya tanpa suami dan bapa, kami harap mereka bersabar. Semoga mereka dalam keadaan sihat walafiat dan dalam perlindungan Allah Subhanahu wa Ta'ala sewaktu bertugas.

13. Semoga tahun 1999 ini memberi kita keazaman, kesedaran dan kesanggupan bekerjasama menangani masalah ekonomi dan politik negara bersama-sama dengan Kerajaan supaya rakyat dapat terus hidup dalam keadaan aman, damai, harmoni dan bersatu. Kita telah "taken for granted" keadaan dalam negara kita sebelum Julai 1997. Menjelang alaf baru yang dengan cepat akan melayang datang, marilah kita bersama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala merestui usaha-usaha kita sekarang supaya tercapainya hasrat negara, Insyaa-Allah.